

02 JUL 1998

Mahathir-Pelaburan

MALAYSIA MASIH MENARIK KEPADA PELABUR, KATA MAHATHIR

KULIM, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia masih lagi menarik sebagai pusat pelaburan kepada pelabur yang serius.

Perdana Menteri berkata berbilion ringgit masih tetap mengalir masuk ke sektor pengeluaran di negara ini walaupun Malaysia turut mengalami kegawatan ekonomi.

Bercakap pada persidangan berita selepas merasmikan AIC Semiconductor Sdn Bhd di Taman Industri Berteknologi Tinggi Kulim di sini, beliau berkata, pelabur-pelabur yang serius masih datang untuk melabur di negara ini secara besar-besaran.

Malaysia yang menikmati kestabilan politik merupakan tempat yang menarik kepada pelabur luar yang masih datang untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan pengeluaran, kata Dr Mahathir.

"Pelabur-pelabur serius ini berbeza dengan pengurus-pengurus dana yang bergerak (melabur) dari satu negara ke satu negara lain untuk mendapatkan keuntungan segera," katanya.

Sebelum itu ketika berucap merasmikan kilang AIC Semiconductor Sdn Bhd, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi seberapa banyak pertolongan dan bantuan kepada pelabur-pelabur yang serius untuk membolehkan syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan dan pembangunan.

"Sebab itu secara umumnya, syarikat-syarikat (yang sedia ada) di sini membuat pelaburan semula kemudahan pengeluaran mereka kerana mereka tahu Malaysia adalah tempat yang baik untuk melabur," katanya.

Katanya, pelabur yang serius tidak mudah untuk mengeluarkan pelaburan mereka hanya kerana hilang keyakinan berbanding pengurus dana asing yang mengeluarkan pelaburan mereka daripada pasaran saham negara ini kerana mereka hilang keyakinan.

Dr Mahathir juga menyeru para pekerja di negara ini meningkatkan kemahiran masing-masing bagi membolehkan majikan menaikkan gaji mereka dan tidak mendapatkan gaji yang tinggi melalui paksaan terhadap majikan masing-masing melalui kesatuan sekerja.

"Dengan meningkatkan kemahiran, majikan boleh menaikkan gaji tanpa menaikkan kos pengeluaran kerana mereka (majikan) akan dapat menambah pengeluaran melalui barang-barang bernilai tambah," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan yakin mengenai peranan sektor swasta dalam membangunkan negara ini.

Beliau meminta semua pihak termasuk rakyat dan badan korporat bekerjasama untuk membolehkan Malaysia mengatasi sebarang serangan ekonomi.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani lima perjanjian pihak-pihak yang terbabit syarikat itu.

Perjanjian pertama membabitkan AIC Semiconductor Sdn Bhd dengan Maybank International (Labuan) Ltd untuk membolehkan bank itu mengeluarkan pinjaman US\$12 juta kepada syarikat itu.

Perjanjian kedua ialah antara AIC Semiconductor Sdn Bhd dan Maybank Berhad bagi pinjaman modal kerja RM15 juta daripada bank tersebut manakala yang ketiga ialah antara AIC Multiventure (M) Sdn Bhd dan Mohammad Saad Aldress and Sons Co dari Arab Saudi untuk mewujudkan usaha sama "Global Positioning System" (GPS) di Arab Saudi.

Perjanjian keempat ialah antara AIC Corporation Berhad dan Rural Radio Services Pvt Ltd dari United Kingdom untuk melaksanakan usaha sama

pengeluaran "Digital Access Rural Terminal System" di negara ini dan yang
akhir antara Khazanah Holdings Berhad dan Lockheed Martin Corporation dari
Amerika Syarikat bagi menubuhkan usaha sama pengeluaran komponen elektronik
di Malaysia. -- BERNAMA

AHM MAI